

BERKENAN MENERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan 26 Ketua Perwakilan luar negeri yang baru dilantik ke negara ini yang tidak menetap.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Eritrea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alem Tsehaye Woldemariam. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



AHBK Ke-20 tampilkan 4 kategori anugerah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Sabtu, 17 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Pemberiaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan (AHBK) Ke-20 Tahun 2025 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini.

AHBK merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyahut titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan belia suatu aset yang perlu diberi fokus dan dihargai.

>> Muka 17

Penerbangan terakhir bakal jemaah haji negara selamat berlepas

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Mei. - Seramai 230 orang lagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan keempat dan terakhir bertolak menuju Madinah pagi tadi menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4207 dan dijangka tiba pada jam 3.20 petang waktu Madinah.

Bakal-bakal jemaah haji penerbangan keempat berkenaan terdiri daripada 112

bakal jemaah haji lelaki dan 115 bakal jemaah haji perempuan yang mengikuti Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan tiga pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan).

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan keempat berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) dan pegawai DSSB.

>> Muka 9

Komited pastikan akses perkhidmatan kesihatan tidak membebankan rakyat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

GENEVA, SWITZERLAND, Ahad, 18 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-37 (37th Commonwealth Health Ministers Meeting - CHMM37) pada 17 Mei 2025 di Geneva, Switzerland.

Turut menghadiri mesyuarat tersebut,

Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Hajah Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee, dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan.

>> Muka 11



Berita Utama



AHLI keluarga berperanan penting mencipta suasana harmoni

Muka 9



KOMITED menyediakan pendidikan inklusif, adil, berkualiti

Muka 12



ITQSHHB raikan 41 pelajar baharu sesi 2025-2028

Muka 17



Warisan

WARISAN budaya bentuk identiti keunikan negara

Muka 20

4 dekad hubungan diplomatik, mencerminkan semangat setia kawan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbi 'Alameen Wabihee Nasta'eenu 'Alaa

Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA dengan amat sukacita mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Lawatan ini sangat bermakna, kerana buat pertama kalinya sahabat lama yang sentiasa bekerjasama rapat dengan Brunei, berkunjung selaku Presiden Republik Indonesia Ke-8.

Beta yakin di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama menerajui 'Asta Cita', rakyat Republik Indonesia akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Kedua negara kita telah merayakan empat dekad penubuhan hubungan diplomatik pada tahun lepas, yang mencerminkan semangat setia kawan serta kesefahaman yang mendalam di antara kita.

Keistimewaan silaturahmi yang berteraskan persamaan rumpun sejarah, ugama dan bahasa menjadi asas dalam memupuk keharmonian bersama.

Perkongsian ini bukan sahaja bermanfaat terhadap kemajuan kerjasama di

pelbagai bidang berkepentingan, bahkan menggalakkan pertukaran - pertukaran lawatan di kesemua peringkat.

Dalam menghadapi keadaan geopolitik dan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu pada masa ini, adalah penting bagi kedua negara untuk terus berganding bahu dalam memastikan kesejahteraan rakyat akan sentiasa terjamin, khususnya kestabilan rantaian bekalan makanan.

Dari itu, beta yakin dengan usaha dan komitmen di semua peringkat, hubungan yang bermakna ini akan terus diperkukuhkan melalui bidang-bidang kerjasama yang strategik, demi kemajuan kedua negara di masa hadapan.

Di peringkat serantau kedua negara terus bekerjasama rapat menerusi inisiatif-inisiatif BIMP-EAGA dan ASEAN, demi mengekalkan keamanan, kestabilan dan perpaduan serantau.

NBD terus komited untuk bekerjasama rapat dengan Republik Indonesia serta rakan-rakan ASEAN lainnya, dalam memelihara kepentingan di rantau ini, serta memajukan Visi Komuniti ASEAN 2045 yang kita akan luluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada hujung bulan ini.

Beta suka menekankan, bahawa persahabatan Brunei Darussalam dan Republik Indonesia adalah persahabatan seugama seperti disifatkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai 'satu jasad', manakala satu anggota sakit akan terasa sakit seluruh badan. Inilah persahabatan suci antara dua sahabat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara sempena Lawatan Negara Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto ke Negara Brunei Darussalam pada Rabu, 14 Mei 2025 di Istana Nurul Iman.

seugama, sama-sama mengecap nikmat Allah dan sama-sama juga melindunginya daripada diganggu oleh sebarang anasir yang tidak diingini.

Untuk mengakhiri, beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada Tuan Yang Terutama kesihatan

yang berterusan serta kerajaan dan rakyat Republik Indonesia menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	ISNIN	21	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	SELASA	22	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	RABU	23	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
23	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42
24	SABTU	26	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
25	AHAD	27	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C	32 25 °C	31 26 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

19 MEI 2025

Cegah hipertensi, kawal kesihatan diri

HARI Hipertensi Sedunia diperingati setiap 17 Mei setiap tahun sebagai salah satu bentuk upaya promosi dan pendidikan pencegahan hipertensi bagi masyarakat. Ini juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pemeriksaan tekanan darah dan menggalakkan pencegahan, pengesanan dan pengawalan hipertensi.

Apakah maksud *hypertension*? Sebenarnya, *hypertension* atau hipertensi merupakan istilah lain untuk tekanan darah tinggi. Tekanan darah tinggi merupakan faktor risiko untuk penyakit kardiovaskular seperti strok, sakit jantung dan juga kegagalan jantung. Oleh sebab itu, tekanan darah yang stabil amat penting untuk penghidap hipertensi. Jika tidak, risiko untuk mereka mengalami penyakit berbahaya akan menjadi semakin tinggi.

Hipertensi telah dikenal pasti sebagai pembunuh yang senyap, *invisible* dan jarang menunjukkan sebarang tanda-tanda atau simptom yang ketara. Peningkatan kesedaran orang awam mengenai hipertensi adalah sangat penting seperti mana jua pendekatan dalam memastikan akses kepada perkhidmatan pengesanan awal mudah diperolehi supaya rawatan yang diperlukan dapat diberikan secepatnya.

Dijangkaan sebanyak 1.28 juta orang dewasa usia 30-79 tahun menderita hipertensi, sebahagian besar (dua pertiganya) berasal dari negara-negara berpenghasilan rendah dan menengah. Sekitar 46 peratus penderita hipertensi tidak menyedari bahawa mereka menghidap penyakit tersebut, dan kurang daripada separuhnya (42 peratus) yang didiagnosis dan diubati. Hipertensi juga merupakan salah satu penyebab kematian utama (lebih dari 50 peratus) pada penyakit kardiovaskular.

Risiko tekanan darah tinggi boleh dicegah dan dikawal jika dapat dikesan lebih awal, boleh dikurangkan dengan mengurangkan pengambilan garam dalam makanan, mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang, melakukan kegiatan fizikal dan senaman yang konsisten, memastikan berat badan dalam lingkungan yang sihat serta mengelakkan pengambilan rokok dan alkohol.

Oleh itu, untuk mencegah dan mengendalikan hipertensi, masyarakat dianjurkan untuk melakukan pemeriksaan tekanan darah secara rutin, mempraktikkan gaya hidup sihat. Perubahan gaya hidup ini, seperti diet sihat, senaman teratur, dan pengurusan stres adalah sangat penting dalam menjaga kesihatan jantung dan pembuluh darah. Selain itu, tidak ada alasan bagi kita untuk tidak bersenam. Senaman boleh dibuat di mana saja dengan membuat apa saja pergerakan agar tubuh kekal sihat.

Bagi warga emas, sokongan daripada ahli keluarga untuk melakukan senaman ringan adalah penting agar badan tetap sihat. Oleh itu, kita perlu bersenam secara rutin supaya badan sihat. Selain itu, kita dapat mencegah penyakit yang mungkin timbul akibat 'kemalasan' kita untuk bersenam. Tanamkan dalam minda untuk sentiasa aktif agar tidak ada penyakit. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ireland ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Sarah Ann McGrath dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Chad ke NBD, Tuan Yang Terutama Hassan Saleh Algadam Aldjinedi (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara

Eritrea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Alem Tsehaye Woldemariam; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ireland ke NBD, Puan Yang Terutama Sarah

Ann McGrath; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Zimbabwe ke NBD, PYT Constance Chemwayi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Belgium ke NBD, TYT Peter Van Acker; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Uganda ke NBD, PYT Betty

Oyella Bigombe.

Baginda seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Chad ke NBD, TYT Hassan Saleh Algadam Aldjinedi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Itali ke NBD, TYT Dante Brandi; Duta

Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sudan ke NBD, TYT Hassan Abdelsalam Omar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Slovak ke NBD, TYT Tomáš Ferko; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Chile ke NBD, TYT Jaime Munoz Sandoval.

>> Muka 4

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Zimbabwe ke NBD, PYT Constance Chemwayi dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Belgium ke NBD, TYT Peter Van Acker (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Uganda ke NBD, PYT Betty Oyella Bigombe (kiri sekali).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Itali ke NBD, TYT Dante Brandi (kanan).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sudan ke NBD, TYT Hassan Abdelsalam Omar (kanan sekali).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Slovak ke NBD, Tuan Yang Terutama Tomáš Ferko; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Chile ke NBD, TYT Jaime Munoz Sandoval dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali ke NBD, TYT Brigadier General Félix Diallo (kiri sekali, kiri dan bawah kiri).



>> Muka 3

Juga menyerahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan mereka ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Zambia ke NBD, TYT Morecome Mumba; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesatuan Eropah ke NBD, TYT Denis Chaibi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Emiriah Arab Bersatu ke NBD, TYT Dr. Mubarak Saeed Ahmed Burshaid Al Dhaheri; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Sweden ke NBD, TYT Anders Sjöberg; dan Duta

Besar Istimewa dan Mutlak Republik Portugal ke NBD, TYT Miguel de Mascarenhas de Calheiros Velozo.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali ke NBD, TYT Brigadier General Félix Diallo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Denmark ke NBD, TYT Jakob Brix Tange; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Bosnia dan Herzegovina

ke NBD, TYT Dr. Edin Jahic; Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka ke NBD, TYT Delgahadeniya Dissanayake Mudiyanse Senarath Bandara Dissanayake; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Finland ke NBD, PYT Anne Vasara.

Turut menyerahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan mereka ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bolivarian Venezuela, TYT Radamés Jesús Gómez Azuaje; Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya ke NBD, TYT Ekitela Ronald John Moru; Pesuruhjaya Tinggi Republik Rwanda ke NBD, TYT Uwhanganye Jean de Dieu; Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke NBD, TYT Michael Wehi Mailetona Walsh; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Costa Rica ke NBD, TYT Victor Hugo Rohas González; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guinea, PYT Koumba Diop.

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Sweden ke NBD, TYT Anders Sjöberg (kanan).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Portugal ke NBD, TYT Miguel de Mascarenhas de Calheiros Velozo (kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Denmark ke NBD, TYT Jakob Brix Tange (kiri sekali).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Bosnia dan Herzegovina ke NBD, TYT Dr. Edin Jahic (kiri).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya ke NBD, Tuan Yang Terutama Ekitela Ronald John Moru dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka ke NBD, TYT Delgahadeniya Dissanayake Mudiyansele Senarath Bandara Dissanayake (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 4

Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru menyampaikan Surat-surat Tauliah Pelantikan berkenaan.

>> Muka 6

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Finland ke NBD, Puan Yang Terutama Anne Vasara dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rwanda ke NBD, TYT Uwihanganye Jean de Dieu (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bolivarian Venezuela, TYT Radamés Jesús Gómez Azuaje (kiri sekali).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke NBD, TYT Michael Wehi Mailetonga Walsh (kiri).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Costa Rica ke NBD, TYT Victor Hugo Rohas González dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guinea, PYT Koumba Diop (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru menyampaikan Surat-surat Tauliah Pelantikan berkenaan (bawah dan bawah kanan).





KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru menyampaikan Surat-surat Tauliah Pelantikan berkenaan.

>> Muka 5

Turut hadir di majlis-majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang

Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji

Mohd. Taib; dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, selaku

Pemangku Grand Chamberlain. Majlis tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan berbual mesra bersama Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke NBD, TYT Michael Wehi Mailetonga Walsh (kiri).

KEBAWAH DYMM berkenan berbual mesra bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bolivarian Venezuela, TYT Radamés Jesús Gómez Azuaje (bawah).

SEKITAR Majlis Mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru menyampaikan Surat-surat Tauliah Pelantikan berkenaan (atas dan kanan).



DPMFC JULANG PIALA FA BRUNEI 2025



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Ahad, 18 Mei. - DPMFC munculkan juara Piala FA Brunei 2025 setelah berjaya menewaskan Indera SC dengan keputusan 1 - 0 pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini. Berangkat menyaksikan perlawanan dan seterusnya mengurniakan penyampaian cenderamata, pingat dan piala utama kepada para pemenang, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Juga berangkat dan seterusnya menerima piala utama bersama Ketua Pasukan DPMFC,

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

Gol tunggal bagi DPMFC dijaringkan oleh Luis Matias Hernandez.

Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun gagal untuk menjaringkan sebarang gol.

Pada separuh masa kedua pula menyaksikan DPMFC dengan bijak mengawal permainan dan akhirnya menjaringkan gol pada minit ke-73 menerusi pemain asal Sepanyol, Luis Matias Hernandez yang berjaya menanduk dengan tajam sudut yang diambil oleh Kenshin Uneo.

Manakala pada minit ke-86


Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan akhir Piala FA. Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri dan kiri sekali).

pula, Kashim Elisha Oluwasegun hampir sahaja menyamakan jaringan bagi Indera SC namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang DPMFC, Muhammad Jefri Syafiq Ishak.

Keputusan perlawanan kekal 1 - 0 sehingga wasit meniupkan wisel penamat.

Kekalahan Indera SC tersebut sekali gus menjadikan mereka menduduki tempat kedua, sementara MS ABDB menduduki tempat ketiga.

Manakala Anugerah Penjaring Terbanyak dan Anugerah Pemain Terbaik (Man of the Match) bagi Piala FA Brunei 2025 diberikan kepada pemain DPMFC, Luis Matias Hernandez.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan penyampaian cenderamata, pingat dan piala utama kepada juara Piala FA Brunei 2025, iaitu DPMFC dan seterusnya berkenan bergambar ramai (atas kiri dan atas).



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara DPMFC menentang Indera SC pada perlawanan berkenaan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas dan atas kiri). Sementara gambar kiri, para penyokong yang hadir memberi sokongan.

BRUNEI DPMM FC MENANG SELESA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan. Juga berangkat ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan atas kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 17 Mei. - Brunei DPMM FC tidak mensia-siakan aksi bermain di hadapan penyokong sendiri sekali gus memastikan tiga mata berharga berjaya diraih selepas menewaskan BG Tampines Rovers FC dalam saingan Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League-SPL) musim 2024/2025, dengan keputusan 2 - 1.

Para pemain Brunei DPMM FC berjaya mempamerkan aksi bertenaga sepanjang 90 minit permainan pada perlawanan

akhir beraksi di halaman sendiri bagi liga musim ini.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat ialah adinda dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota



Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Pemain penyerang Brunei DPMM FC, Nazirudin Ismail muncul wira setelah berjaya menjaringkan kedua-dua gol pada malam berkenaan, manakala gol tunggal bagi BG Tampines Rovers FC dijaringkan oleh Seia Kunori.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah berkenaan menyaksikan skuad Brunei DPMM FC, kendalian Ketua Jurulatih, Jamie McAllister terlebih dahulu memperolehi gol pembukaan seawal minit ke-6.

BG Tampines Rovers FC yang tersentak selepas ketinggalan 0 - 1 terus menyerang gawang Brunei DPMM FC dalam usaha memburu gol penyamaan sehingga berhasil mencipta jaringan pada minit ke-23 melalui Seia Kunori.

BG Tampines Rovers FC seterusnya kurang bernasib baik akibat kecuaiannya penjaga gawangnya, Syazwan Buhari yang memberi peluang berharga buat Nazirudin Ismail dengan



JUGA berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

mudah menyumbat gol kedua bagi Brunei DPMM FC pada minit ke-33.

Bersambung di babak kedua, perlawanan semakin rancak apabila kedua-dua pasukan mula bertindak ganas dengan saling berbalas serangan.

Meskipun berkali-kali diasak, namun pujian harus diberikan kepada Haimie Nyaring, penjaga gawang Brunei DPMM FC yang beraksi cemerlang menyelamatkan beberapa percubaan daripada pemain penyerang pasukan pelawat.

Lima minit tinggal baki perlawanan, BG Tampines Rovers FC di bawah bimbingan Gavin Lee terus memberi asakan

untuk sekurang-kurangnya menyamakan kedudukan namun pemain pertahanan Brunei DPMM FC terus menepis serangan-serangan berkenaan dan keputusan kekal 2 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Dengan kemenangan tersebut, Brunei DPMM FC kekal di tangga keenam liga dengan mengumpulkan 41 mata setelah 31 perlawanan.

Perlawanan terakhir Brunei DPMM FC bagi Liga Perdana Singapura musim ini adalah menentang Hougang United pada 24 Mei 2025 nanti di Town Square, Our Tampines Hub, Singapura.



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang BG Tampines Rovers FC dalam saingan Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League-SPL) musim 2024/2025 (atas kiri dan atas). Manakala gambar kiri, para penyokong yang hadir memberi sokongan.

PENERBANGAN TERAKHIR BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA SELAMAT BERLEPAS



>> Muka 1

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kesihatan; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis

Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh,

SEKITAR yang hadir di LTAB bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji perempuan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji (atas dan kiri).

manakala azan dilaungkan oleh Saifuddin, Awang Haji Hamdini Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali bin Haji Garif.



Ahli keluarga berperanan penting mencipta suasana harmoni

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Setiap ahli keluarga memainkan peranan penting dalam mencipta suasana yang harmoni, saling menyokong dan membantu antara satu sama lain.

Melakukan amalan bersama-sama seperti solat berjemaah, berzikir, menghadiri majlis-majlis ilmu dan menikmati rezeki makanan serta berbicara perkara baik secara santai dengan ahli-ahli keluarga adalah sangat penting untuk merapatkan hubungan dan memupuk suasana positif dalam rumah tangga.

Manakala, konsisten dengan perkara kecil tetapi baik setiap hari lebih bernilai daripada perkara besar yang tidak berterusan. Semoga kita dan keluarga sentiasa termotivasi untuk menuju kehidupan lebih baik di dunia demi bersama-sama mencapai kebahagiaan kekal di akhirat nanti.

Demikian antara perkara yang disampaikan melalui perkongsian

ilmu oleh Pegawai Penganalisa Data dari Nuqra Math, Awang Ahmad Rashidi bin Haji Ansanawi, pada acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Ke-183.

Acara berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Pengurus Nuqra Quranic Beribi, Awang Nik Muhammad Soleh bin Ramli, dari Nuqra Quranic Cawangan Beribi.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk yang dipimpin oleh Guru Al-Quran, Awang Muhammad Fawwaz bin Haji Mohamad Sanuse, dari Nuqra Quranic Cawangan Beribi.

Sementara, Doa Munajat dibacakan oleh Awang Muhammad Hakimi@Hafiz bin Abdul Wahib, guru dari Nuqra Quranic Cawangan Lambak. Sejurus selesai perkongsian ilmu, acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Faizzuddin bin Murni, guru dari Nuqra Quranic

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir menyerikan Malam Munajat Ke-183.

Kiulap bersama dengan guru-guru dari Nuqra Quranic Cawangan Kiulap.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Guru Al-Quran, Awang Azizul Ridhwan bin Haji Abu Bakar, dari Nuqra Quranic Cawangan Beribi.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.



Turut menyemarakkan acara Malam Munajat kali ini ialah tenaga pengajar dan para pelajar Nuqra Quranic, Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Juga hadir, warga kerja KHEU

bersama keluarga serta individu secara maya dari kediaman masing-masing.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

PENERBANGAN KETIGA BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA BERTOLAK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kesihatan dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Sabtu, 17 Mei. - Seramai 254 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam berlepas meninggalkan negara pagi tadi pada penerbangan ketiga yang bertolak dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4205.

Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada pukul 3.20 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Pada penerbangan ketiga ini, seramai tiga orang pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji

Negara Brunei Darussalam (Perubatan); 128 jemaah (termasuk tiga pegawai) dari Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); 80 jemaah (termasuk seorang pegawai) dari Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; dan 43 jemaah (termasuk dua pegawai) dari Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji negara ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kesihatan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji perempuan.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap, (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji

Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU Awang Misle bin Haji Abdul Karim, dan isteri serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah - pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Bagi memohon keberkatan dan keselamatan perjalanan para bakal jemaah haji, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Zulkifli bin Haji Murat.

Manakala azan dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

237 kakitangan BSJV terima penghargaan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada BSJV Long-Service Emblem Award Ceremony.

menzahirkan penghargaan kolektif terhadap perkhidmatan berterusan para pekerja.

Pengiktirafan para kakitangan yang diraikan menunjukkan penghargaan BSJV terhadap aset utamanya, iaitu rakyat serta nilai kepakaran dan pengalaman jangka panjang yang mereka sumbangkan dalam organisasi.

Sementara itu, Pengarah Urusan BSP menjelaskan, semua pencapaian diraih seiring dalam melahirkan generasi baharu jurutera, saintis IT, pengatur cara, akauntan, pemimpin dan yang paling penting ialah rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah pembangunan mampan untuk kualiti hidup yang tinggi.

Beliau turut mengakui bahawa pengalaman yang mereka miliki adalah amat berharga untuk dikongsi sekali gus memacu bakat muda NBD menuju Wawasan Brunei 2035.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Sebagai penghargaan atas komitmen berterusan dan sumbangan bersama Brunei Shell Joint Venture (BSJV), seramai 237 kakitangan diraikan pada BSJV Long-Service Emblem Award Ceremony yang berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

Para penerima terdiri daripada 188 kakitangan Brunei Shell

Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), 45 kakitangan Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG), dan empat kakitangan Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM).

Mereka merupakan kakitangan yang mencapai tahap perkhidmatan cemerlang selama 25, 30, 35 dan 40 tahun bersama BSJV bagi tahun 2023 dan 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya

menyampaikan anugerah perkhidmatan jangka panjang kepada para penerima, Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Awang Mohammad Nizam bin Haji Ismi;

Pengarah Urusan Petroleum Authority of Brunei Darussalam, Awang Shamir Salahuddin; Pengarah Urusan BSP, Johan Atema; Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BLNG, Adeleye Falade; Pengarah Urusan BSM, Kapten Mohammed Alexirwan bin Haji Omar; dan Vice President dan Shell Country Chair in Brunei Darussalam, Henry Frank Bristol.

Kehadiran mereka bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSJV dan pasukan kepimpinan

KOMITED PASTIKAN AKSES PERKHIDMATAN KESIHATAN TIDAK MEMBEBANKAN RAKYAT

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

>> Muka 1

Mesyyarat berkenaan menghimpunkan Menteri-menteri Kesihatan, perwakilan dan pegawai kanan dari Negara-negara Komanwel untuk membincangkan kerjasama dalam pembiayaan untuk kesihatan yang lebih inovatif dan mampan.

Perbincangan menumpukan dalam pengukuhan sistem kesihatan dan memastikan akses yang adil dan saksama kepada perkhidmatan kesihatan dalam kalangan negara anggota, sesuai dengan tema mesyyarat tahun ini, iaitu 'Melabur dalam Kesihatan : Pembiayaan Mampan untuk Komanwel yang Saksama' (Investing in Health : Sustainable Financing for an Equitable Commonwealth).

Pembiayaan mampan dalam sektor kesihatan amat penting untuk membina sistem yang berdaya tahan dan mampu

menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi jangka panjang. Pelaburan dalam penjagaan kesihatan tidak seharusnya dilihat sebagai perbelanjaan semata-mata, tetapi sebagai asas kritikal kepada kemajuan negara.

Seterusnya, isu kewangan yang tidak mencukupi mendatangkan risiko untuk menjejaskan kemajuan-kemajuan pencapaian Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage - UHC) dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) berkaitan kesihatan.

Untuk mengatasi cabaran berkenaan, model pembiayaan dan pendekatan inovatif diperlukan melalui pendekatan yang lebih bersepadu kepada pengukuhan sistem kesihatan berasaskan penjagaan kesihatan asasi dan kesihatan awam.

Antara cabaran utama yang dibincangkan termasuk penyakit tidak berjangkit (Non

Communicable Diseases - NCD), kesihatan mental, ketahanan terhadap perubahan iklim dan inisiatif penyesuaian merentas sistem kesihatan, pelaburan dalam pencegahan untuk menyokong penuaan yang sihat dan pemanfaatan teknologi digital bagi peningkatan ekuiti.

Antara lain, mesyyarat berkenaan berhasrat menghasilkan komitmen bersama Komanwel antaranya mengenai pembiayaan kesihatan yang mampan yang saksama, pengukuhan tindakan global terhadap NCD dan kesihatan mental, membimbing pelaburan yang membina dan mengukuhkan kapasiti sistem kesihatan sebagai sebahagian daripada pakej asas perkhidmatan kesihatan, dan berkongsi kemajuan dalam pelaksanaan tindakan yang dipersetujui di mesyyarat peringkat tinggi seterusnya.

Pada mesyyarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun menyatakan komitmen Kerajaan NBD terhadap UHC melalui sistem

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Mesyyarat Menteri - menteri Kesihatan Komanwel Ke-37 (37th Commonwealth Health Ministers Meeting - CHMM37).

kesihatan dengan memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang tidak membebankan kewangan rakyat.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat lagi, seperti kebanyakan ahli Komanwel yang lain, NBD juga menghadapi cabaran termasuk peningkatan kos penjagaan kesihatan, peralihan demografi, peningkatan beban NCD, dan keperluan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan kepakaran.

Dalam menghadapinya, Yang Berhormat mengongsikan NBD terus mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan asasi dan mempraktikkan pendekatan dasar Health-in-All Policies di samping meneroka mekanisme pembiayaan inovatif yang boleh melengkapkan sistem kesihatan awam tanpa menjejaskan kesaksamaan (equity).

Selain itu jelas Yang Berhormat lagi, kerajaan terus melabur dalam tenaga kerja kesihatan melalui perancangan dan penyediaan peluang latihan,



serta memanfaatkan teknologi solusi kesihatan digital bagi meningkatkan kecekapan, capaian perkhidmatan dan hasil pesakit (patient outcomes).

Mesyyarat diakhiri dengan persetujuan untuk meluluskan Kenyataan CHMM37 yang menggariskan dasar - dasar utama, cadangan dan komitmen Negara Anggota Komanwel.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika berada di Geneva juga berkesempatan membuat perjumpaan bersama Sekretariat Agung Komanwel, Puan Yang Terutama Shirley Ayorkor Botchwey, yang telah dilantik baru-baru ini.

Pupuk kesedaran pentingnya kebersihan kawasan persekitaran

■ **Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

TUTONG, Ahad, 18 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan dengan kerjasama Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet hari ini mengendalikan Kempen Kebersihan di sebahagian jalan raya dan kawasan kampung di Jalan Telisai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan dan menyertai kempen berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Kempen Kebersihan ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan dalam menyokong inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIJK) dalam memastikan persekitaran Negara Brunei Darussalam adalah bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran di samping memberi kesedaran kepada penduduk kampung dan orang awam tentang

pentingnya kebersihan kawasan persekitaran.

Acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Guru Ugama dari Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Awang Abdul Khalid bin Said, diikuti dengan penerangan keselamatan sebelum memulakan kempen kebersihan.

Usaha pembersihan tertumpu kepada beberapa jalan raya yang dibahagikan kepada enam zon, yang merangkumi sebahagian jalan raya dan kawasan kampung di Jalan Telisai bermula dari Tanah Perkuburan Orang Islam Latukan Kampung Telisai hingga ke sebahagian Pantai Tumpuan Telisai.

Kempen yang disertai oleh kira-kira 300 warga Kementerian Pendidikan, 100 penduduk mukim dan kampung itu telah mengumpulkan lebih daripada 600 kilogram sampah-sarap.

Turut hadir, Timbalan-timbalan

Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Penghulu Mukim Telisai, Ketua Kampung Telisai; Pegawai-pegawai Urus Setia JIJK; pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan serta penduduk-penduduk mukim dan kampung yang terlibat.

ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan di sebahagian jalan raya dan kawasan kampung di Jalan Telisai (kanan dan bawah kiri).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025
2. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025
3. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : 4 Jun 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KOMITED MENYEDIAKAN PENDIDIKAN INKLUSIF, ADIL, BERKUALITI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Bagi Pelajar Program Pra-Vokasional Sesi 2020 hingga 2024 bertempat di Dubai Hall,

The Airport Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Jabatan Pendidikan Khas, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan, selaku Pengerusi Majlis.

Dr. Eddy Fazlin dalam ucapan alu-alunya menjelaskan sepanjang tempoh pengajian, pelajar didedahkan dengan pendekatan pembelajaran berasaskan kemahiran yang merangkumi aspek akademik berfungsi, komunikasi, pengurusan diri, kemahiran vokasional serta asas pekerjaan.

Menurutnya, ini selaras dengan prinsip pendidikan holistik yang berteraskan potensi individu dan menjurus ke arah melahirkan

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Pelajar Program Pra-Vokasional Sesi 2020 hingga 2024 (kiri dan kanan).

pelajar yang bersedia menghadapi masa hadapan (*future ready learners*), sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2027 serta mendukung Rangka Kerja Pendidikan Khas Negara (Special Education Framework) yang menekankan akses kepada pendidikan inklusif yang sama dan saksama.

Tambahnya lagi, untuk memperkaya pengalaman pembelajaran, para pelajar turut terlibat dalam pelbagai aktiviti kokurikulum seperti Pertandingan Memasak, Program Bootcamp, Brunei Darussalam Sports Games (BDSG) serta penyertaan dalam Karnival Kebolehpasaran Pendidikan Khas di peringkat serantau seperti di Wilayah Persekutuan Labuan dan Limbang.

"Penyertaan ini membuktikan bahawa pelajar berkeperluan khas juga mampu mencapai kejayaan dan pengiktirafan yang membanggakan. Tahniah dan syabas diucapkan.

"Jabatan Pendidikan Khas sebagai peneraju utama pendidikan khas negara kekal komited dalam menyediakan pendidikan inklusif, adil dan berkualiti. Dalam tempoh lebih tiga dekad, jabatan ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk penerbitan Buku Kurikulum Program Pra-Vokasional sebagai rujukan utama bagi guru-guru.

"Usaha berterusan ini, sejajar dengan salah satu Key Success Measure dalam pelan strategik Kementerian Pendidikan, iaitu membentuk pelajar-pelajar yang kebolehan bekerja atau Employable Graduate," ujarnya.

Dr. Eddy Fazlin seterusnya berkata, jabatan kini telah



memperluas peluang pasca sekolah untuk membangunkan inisiatif baharu dikenali sebagai Program Sheltered Integrated Employment (ShInE) yang berorientasikan latihan kemahiran berstruktur dan penempatan kerja. Program berkenaan ujanjnya, dihasratkan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar berkeperluan khas, menyokong agenda pembangunan insan yang seimbang serta memperkukuh ekosistem pendidikan inklusif.

"Jabatan akan menganjurkan Bulan Karnival Pendidikan Khas sebagai platform untuk memperkasa bakat dan membina keyakinan diri pelajar. Aktiviti yang bakal diketengahkan termasuk Pertandingan Bocce, pertunjukan fesyen, larian 'Run for Inclusion', serta ruang interaktif 'Playful Pavilion' yang membawa mesej penerimaan dan inklusiviti dalam kalangan komuniti.

"Hasil kutipan dana juga akan disalurkan bagi menyokong pelaksanaan program-program pendidikan khas," ujarnya lagi.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 95 pelajar yang telah menamatkan Program Pra-Vokasional Sesi 2020 hingga 2024 dan tiga Guru Pendidikan Khas (Guru SEN) yang baharu bersara daripada perkhidmatan.

Sijil penghargaan dan cenderamata juga disampaikan kepada enam buah syarikat yang terlibat dalam penempatan kerja pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pra-Vokasional.

Program Pra-Vokasional adalah program lima tahun yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan

pelajar berkeperluan khas di beberapa buah sekolah menengah kerajaan.

Program berkenaan bertujuan untuk menyediakan pembelajaran yang bersesuaian bagi pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri khusus bagi membolehkan mereka mendapat kemahiran hidup berdikari seperti kemahiran akademik berfungsi, kemahiran sosial dan komunikasi, kemahiran pengurusan diri, kemahiran asas vokasional dan kemahiran kerja berpanduan kepada Rancangan Pendidikan Individu (Individualised Education Plan - IEP) masing-masing mengikut tahap dan kebolehan individu itu sendiri.

Usaha berkenaan adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, dan berjaya, serta menyokong visi dan misi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti dan holistik untuk kehidupan pelajar yang bermanfaat.

Selain itu, produk Program Pra-Vokasional seperti hasil kraf tangan, makanan, minuman serta hasil tanaman oleh pelajar-pelajar daripada 18 buah sekolah menengah turut dipamerkan bagi menyeronokkan lagi suasana majlis.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, agensi-agensi kerajaan yang terlibat, ibu bapa dan penjaga, guru-guru 'Home-Room' (Home-Room Teachers - HRT), pemimpin-pemimpin sekolah serta wakil daripada sektor korporat.



جائتین فرانتھن اېکونومي دان ستاتستیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

252 bakal jemaah haji penerbangan kedua selamat tiba



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MADINAH MUNAWWARAH, Sabtu, 17 Mei. - Penerbangan kedua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4203 membawa seramai 252 orang selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad bin Abdulaziz, Madinah pada 16

Mei 2025, jam 3.07 petang waktu Madinah.

Rombongan kedua termasuk pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan); Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); dan Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi di Riyadh hadir bagi menyambut ketibaan bakal jemaah haji NBD.

Hadir bagi menyambut ketibaan bakal jemaah haji NBD, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani, dan isteri; Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali; Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Aziman bin Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub; dan pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); serta dari DSSB.



جائتین فرانتھن اېکونومي دان ستاتستیک
BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda







Galakkan jemaah sumbang derma ke Tabung Dana Pembinaan Masjid



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat hadir sama pada forum berkenaan.

KUALA BELAIT, Sabtu, 17 Mei. - Bagi menyambut baik kempen meningkatkan kesedaran kalangan jemaah masjid agar turut sama membantu dalam pembinaan masjid di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui sumbangan derma ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Daerah Belait mengadakan forum bertajuk 'Meraih Istana Syurga' dengan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam bertempat di Masjid Mohammad

Jamalul Alam, Daerah Belait pada pagi tadi.

Hadir sama pada forum pagi tadi ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Turut hadir Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris

Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Manakala Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Mohamad Ezwan bin Haji Ali selaku moderator.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Daerah Belait, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Antara lain tujuan forum diadakan adalah untuk mengajak orang ramai dalam kalangan para jemaah masjid supaya bertanam saham di akhirat dengan menyumbangkan derma ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



AHLI-ahli panel forum terdiri daripada Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Selain itu, untuk memberi pengetahuan kepada para jemaah masjid mengenai kaedah dan kemudahan untuk menyumbang ke Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD serta cara berinfak selain daripada tabung yang dikhususkan.

Ia juga untuk menyuntik motivasi mereka supaya terus berbakti kepada agama melalui sumbangan derma seangkatan-angkat hati sebagai salah satu wadah

penyebaran dan pengukuhan syiar agama.

Acara juga dimuatkan dengan penerangan peraturan kewangan untuk peletakan tabung, pembukaan tabung, pengiraan duit, penghantaran duit ke bank dan penghantaran laporan ke Urus Setia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD. Diselanjutkan juga dengan sesi praktikal menderma menggunakan Kod QR.

KERJASAMA ASEAN DIPERKUKUKAN DALAM PENGURUSAN BENCANA KESIHATAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Sabtu, 17 Mei. - Selaras dengan ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER), Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama negara-negara anggota yang lain terus memperkukuhkan kerjasama dalam pengurangan risiko dan tindak balas terhadap bencana.

Komitmen bersama berkenaan diperkukuhkan lagi melalui Pengisytiharan Pemimpin ASEAN mengenai 'One ASEAN One Response' dan Pengisytiharan Pemimpin ASEAN mengenai Pengurusan Bencana Kesihatan.

Pelan Tindakan yang menyusuli pengisytiharan tersebut disokong di bawah Project for Strengthening ASEAN Regional Capacity for Disaster Health Management (ARCH Project), menggariskan inisiatif strategik untuk membangunkan sistem kesihatan yang berdaya tahan terhadap bencana dalam ASEAN.

Antara aspek penting dalam aktiviti Projek ARCH adalah pelaksanaan program latihan pembinaan kapasiti dalam bidang pengurusan kesihatan bencana.

Basic Course (B-course) dan Coordination Course (C-course) telah dibangunkan di bawah ARCH Project dan telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah negara anggota ASEAN.

Menyedari keperluan untuk

memperkukuh kapasiti negara dan menyesuaikan latihan mengikut keperluan khusus NBD, kedua-dua kursus berkenaan dilaksanakan secara serentak sebagai sebahagian daripada program latihan yang dijalankan.

Kursus latihan selama empat hari berkenaan disokong oleh ARCH Project dengan khidmat Nasihat dan tunjuk ajar daripada pasukan tenaga pengajar yang berpengalaman serta penyediaan bahan latihan khusus yang telah dibangunkan menerusi projek tersebut.

Modul - modul kursus disesuaikan dengan konteks tempatan dan akan disampaikan melalui gabungan sesi bersama dan berasingan oleh pengajar antarabangsa dan tempatan.

Seramai 60 orang pakar daripada pelbagai peringkat sistem penjagaan kesihatan dan tindak balas kecemasan menyertai kursus latihan berkenaan, termasuk penyertaan daripada Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkepentingan.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaannya disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif selaku tetamu kehormat, bertempat di The Rizqun International Hotel, di sini.

Di peringkat serantau dalam



ucapannya, NBD terus memainkan peranan aktif dalam rangka kerja ASEAN bagi kesiapsiagaan kecemasan kesihatan.

"Penyertaan kita dalam Kluster Kesihatan ASEAN 2 di bawah Agenda Kesihatan ASEAN, inisiatif seperti Projek ARCH, serta simulasi serantau seperti Latihan Simulasi Tindak Balas Kecemasan Bencana Serantau ASEAN (ARDEX) telah membolehkan kita mengukuhkan koordinasi, berkongsi amalan terbaik, dan meningkatkan kebolehlaksanaan bersama negara anggota lain.

"Kami juga berbangga kerana dapat mengambil bahagian dan menyumbang kepada penempatan Pasukan Tindak Balas dan Penilaian Kecemasan ASEAN (ASEAN - ERAT), yang memperkukuhkan tindak balas serantau yang bersatu semasa krisis," jelasnya.

Di peringkat kebangsaan ujan, kementerian telah terlibat dalam latihan tindak balas bencana secara antara agensi untuk menguji dan memperhalusi sistem kita dalam senario yang realistik.

Menurutnya, simulasi ini telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan koordinasi, mengenal pasti kelemahan, dan memastikan kita lebih bersedia menghadapi kecemasan sebenar.

Secara keseluruhannya ujan,nya,

PEMANGKU Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan ucapannya pada majlis tersebut (kiri sekali dan kiri).

usaha-usaha ini membantu NBD bukan sahaja menjadi lebih berkeupayaan dalam menguruskan kecemasan di peringkat tempatan, tetapi juga menjadi rakan serantau yang boleh dipercayai dalam tindak balas bencana.

Dr. Hajah Rafidah seterusnya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa program latihan pada hari ini merupakan kesinambungan kepada komitmen tersebut.

Beliau juga difahamkan bahawa latihan tersebut direka untuk mengukuhkan keupayaan kita dalam tindak balas kecemasan perubatan dengan membangunkan dan melengkapkan Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) dengan kemahiran, pengetahuan, dan struktur yang diperlukan untuk bertindak balas terhadap bencana dengan cekap.

Tambahnya, yang sama pentingnya ialah penekanan terhadap penambahbaikan mekanisme koordinasi, bagi memastikan EMT dapat berfungsi sebagai sebahagian daripada sistem tindak balas yang bersepadu dan kohesif, dan bukannya bertindak secara berasingan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan selaku Pengerusi Bersama, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat.

Atur cara kemudiannya disusuli dengan uaputama oleh Penasihat Utama Projek ARCH, Ikeda Shuichi yang menjelaskan salah satu pencapaian penting dalam Projek ARCH ialah pembangunan kurikulum standard bagi B-course

dan C-course dalam Pengurusan Kesihatan Bencana.

Kursus-kursus ini katanya, telah berjaya dijalankan di beberapa Negara Anggota ASEAN, sekali gus menyumbang kepada keupayaan kolektif rantau ini dalam tindak balas terhadap bencana.

Bagi NBD ujan,nya, pelaksanaan program ini merupakan satu pencapaian yang signifikan kerana program ini direka khas untuk sistem kebangsaan kita dan buat julung kalinya di ASEAN, kedua-dua B-course dan C-course dijalankan serentak dalam satu program latihan.

"Pelaksanaan kursus secara serentak ini memberikan peluang unik kepada para peserta untuk berinteraksi, berkongsi pengetahuan, dan membina pemahaman bersama mengenai pengurusan kesihatan bencana," tambah Ikeda Shuichi lagi.

Pendekatan bersama ini menggalakkan perkongsian ilmu, kerjasama antara kementerian dan agensi-agensi serta pemahaman bersama mengenai peranan dan tanggungjawab semasa situasi bencana.

Objektif program latihan dalam negara ini antara lain adalah untuk meneguhkan semula komitmen NBD terhadap Pengisytiharan Pemimpin ASEAN mengenai Pengurusan Bencana Kesihatan melalui pencapaian sasaran peringkat kebangsaan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan sekali gus memperkukuh keupayaan tindak balas bencana negara dengan membangunkan dan melatih Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT); dan mewujudkan kaedah yang berkesan untuk operasi EMT, termasuk penyelarasan, pengurusan maklumat dan bantuan logistik semasa kecemasan.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta warga Kementerian Kesihatan.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 16 / 25 - 26
Supply And Delivery Of Vision
Mixer And Converter For District

2. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 17 / 25 - 26
Supply And Delivery Of LED Wall
Video Processor For News Studio

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 28 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LB /
TA / 008

Pembelian Multifunctional
Unmanned Aerial Vehicle
(MF-UAV) Bagi Kegunaan
Unit-Unit Tentera Darat
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah lima (5)
hari sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa, 10 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 Jun 2025.
2.00 Petang.



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran:
POS / T / 06 / JPP /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pengutipan Dan
Pembuangan Sampah Di
Pejabat-Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Pos Dan
Rumah-Rumah Pangsa Jabatan
Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh
Sebelas (11) Bulan
(Jun 2025 - April 2026)

Rujukan Tawaran:
POS / T / 07 / JPP /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Dan Pemeliharaan
Kawasan Di Pejabat-Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Pos Dan
Rumah-Rumah Pangsa Jabatan
Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh
Sebelas (11) Bulan
(Jun 2025 - April 2026)

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 02
/ 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Renovation Works On Cafeteria
At Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Buka Sebut Harga:
19 Mei 2025, Isnin.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
19 Jun 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat:
Bermula 19 Mei 2025, Isnin.

Jam:
Semasa Waktu Bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / PR / 6 / 2025 / Q01

Membekalkan Kotak
dan Plak Cenderahati Bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Pembangunan dan
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Yang Bersara Pada Tahun 2024

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / PR / 6 / 2025 / Q02

Membekalkan (i) 'Certificate'
dan (ii) 'Certificate Holder' Bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Pembangunan dan
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Yang Bersara Pada Tahun 2024

Bayaran Sebut Harga:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 19 Mei 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Khamis, 29 Mei 2025

Tarikh Tutup:
Isnin, 2 Jun 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.



Tawaran Menyediakan
Makanan Secara Bungkus
(Berpek) dan Secara Bufet Bagi
Acara Persembahan Pentas
Malam Perayaan Dan Acara
Sampingan Sempena Sambutan
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-79 Tahun
Bagi Daerah Belait, 2025.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
27 Mei 2025, Selasa.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / 4.1 / KAD JEMPUTAN /
E / 2025

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Mencetak dan
Membekal Kad-Kad Jemputan,
Kad-Kad Masuk Di Padang
Bandaran dan Dewan Santap,
Kad-Kad Letak Kereta,
Sarung-Sarung Surat Untuk
Jemputan, Lembaran Kenangan,
Kad Menu Santap, Sampul Surat
dan Letterhead Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-79
Tahun Peringkat Daerah Belait.

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
27 Mei 2025.
(Selasa)



1. Sebut Harga:
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA
UTAMA / F / 2025

Nama Projek:
Tawaran Menyediakan
Santapan Pagi Untuk Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Berserta
Kerabat Diraja Seramai 7 Orang
Dan Jamuan Tengah Hari Untuk
Meja Utama Seramai 49 Orang
Bagi Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2025

2. Sebut Harga :
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP /
F / 2025

Nama Projek:
Tawaran Menyediakan
Santapan Pagi Untuk VIP Seramai
60 Orang Di Kediaman Rasmi
Pegawai Daerah Belait Dan
Jamuan Tengah Hari Untuk VIP
Seramai 356 Orang Di Dewan
Santap Bagi Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait

Tahun 2025

3. Sebut Harga :
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F
/ 2025

Nama Projek:
Tawaran Menyediakan Kek Puja
Usia Bagi Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat dan
Penduduk Daerah Belait Tahun
2025

4. Sebut Harga :
JDB / 5.4 / MAKANAN SECARA
BERPEK / F / 2025

Nama Projek :
Tawaran Menyediakan
Makanan Secara Berpek Berserta
Air Mineral Botol Kecil Bagi Acara
Latihan dan Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2025

5. Sebut Harga :
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA
BUFFET / F / 2025

Nama Projek :
Tawaran Menyediakan
Makanan Secara Bufet Bagi Acara
Latihan dan Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2025

6. Sebut Harga :
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F /
2025

Nama Projek :
Tawaran Membekalkan Air
Mineral Botol Kecil Bagi Acara
Latihan dan Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2025

7. Sebut Harga :
JDB / 5.7 / JAMUAN
JEMPUTAN LUAR SANTAP / F /
2025

Nama Projek :
Tawaran Menyediakan Jamuan
Tengah Hari Untuk Jemputan
Seramai 250 Orang Di Luar
Dewan Santap Bagi Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2025.

8. Sebut Harga :
JDB / 5.8 / MBP(BERPEK) DAN
MBF(BUFFET) / F / 2025

Nama Projek :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Barang-Barang Untuk Cenderahati Bagi Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53

DA / JKSH / 34 / 2025 / 2026 [DE-MEI-2025]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Barang-Barang Untuk Cenderahati Bagi Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Isnin, 2 Jun 2025.
(Jam 9.00 Pagi)



Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin Dikhaskan Bagi Golongan Keusahawanan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME)

1. DA / JKSH / 31 / 2025 / 2026 [BPPA-MEI-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Berakas Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']
Harga Sewa Kantin:
6 BULAN PERTAMA :
BND497.00 (SEBULAN)
4 BULAN TERAKHIR :
BND 994.00 (SEBULAN)

2. DA / JKSH / 32 / 2025 / 2026 [BPPA-MEI-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']



Harga Sewa Kantin:
6 BULAN PERTAMA :
BND 761.50 (SEBULAN)
4 BULAN TERAKHIR :
BND 1,523.00 (SEBULAN)

3. DA / JKSH / 33 / 2025 / 2026 [BPPA-MEI-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']
Harga Sewa Kantin:
6 BULAN PERTAMA :
BND 761.50 (SEBULAN)
4 BULAN TERAKHIR :
BND 1,523.00 (SEBULAN)

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Isnin, 2 Jun 2025. (Jam 9.00 Pagi)



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Integration, Testing and Commissioning of NTP Servers for Top Sky Air Traffic Management (ATM) System, Department of Civil Aviation ATELS / 2025 / LTK-01

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
Isnin, 19 Mei 2025.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Isnin, 16 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 Jun 2025.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah Di Bangunan-Bangunan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
03 / DBP / SH / 2025 - 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025.



JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Temburong

1. Kampung Belingos, Mukim Bangar
2. Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung-kampung yang tersenarai di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan

dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Temburong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Hari **Sabtu, 9 Muharam 1447 bersamaan 5 Julai 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong

1. Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar
 - Kampung Belingos
 - Pekan Bangar
 - Kampung Bang Bulan
 - Kampung Lagau
 - Kampung Piungan

2. Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo
 - Kampung Selangan
 - Kampung Parit
 - Kampung Sibulu
 - Kampung Biang Menengah
 - Kampung Belaban



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

1. Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 28 / 2025
Membaik Pulih Tangga Jeti, Kampung Pengkalan Sibabau, Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 29 / 2025
Membaik pulih Jeti No.3, Kampung Sungai Kebun, Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 30 / 2025
Membaik pulih Jeti No.5, Kampung Peramu, Mukim Peramu, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 36 / 2025
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Bagi Premis Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Selama Enam (6) Bulan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 3 Jun 2025.



**PERATURAN
PENGIKLANAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(23) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
To Supply and Install New
Conference System at Hassanah
Bolkiah National Stadium, Berakas

2. Bilangan Tawaran:
(24) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply, Delivery, Install and
Warranty for Sport Podiatry Clinic
Devices, SMRC

3. Bilangan Tawaran:
(25) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Cetak Dan Hantar Sampul Surat,
Letterhead Dan Fail Jabatan
Bagi Penambahan Stok Simpanan
Unit Pusat Stor,
Jabatan Belia Dan Sukan

4. Bilangan Tawaran:
(26) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Repair Works to Existing Gondola
Lifter (Motor and Control Panel)
Of LED Screen at Indoor
Stadium, Hassanah Bolkiah
National Sports Complex

5. Bilangan Tawaran:
(27) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekalkan Pasir Laut Yang
Sudah Bersih Bagi
Kompleks-Kompleks Di Bawah
Jabatan Belia Dan Sukan Di Ke
Empat-Empat Daerah

6. Bilangan Tawaran:
(28) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekalkan Baja Bagi
Kompleks-Kompleks, Pohon
Tanah Masak Dan Abuk Kayu
Bagi Pusat Belia,
Bandar Seri Begawan.
Jabatan Belia Dan Sukan

7. Bilangan Tawaran:
(29) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Lapik Meja Skirting Yang Berjahit
Bagi Pusat Belia,
Bandar Seri Begawan

8. Bilangan Tawaran:
(30) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply, Delivery, Install,
Maintenance and Warranty for
Interferential + Ultrasound Combo
Therapy for Physiotherapy, Sport
Medicine and Research Centre

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
5 Jun 2025.



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
01 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of
Cleaning Services For Land
Transport Department Old Office
Building (Gadong)

Bilangan Tawaran:
04 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
24 Months Term Provision Of
Cleaning Services For Land
Transport Department Mumong
Post Office Branch (Belait)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
RTB / 03 / 2025

Tajuk Tawaran:
Subscription Of Leased Line Or
Dedicated Internet Access (DIA)
For Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 10 /
BPPK / 05

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Dua (02) Unit
Riding Lawnmower Untuk
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 29 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi:**
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 15 /
BPPK / 07

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Kontrak Selama Satu (1)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Pemotongan dan Pencantasan
Pokok, Termasuk Pembersihan,
Pengangkutan dan Pelupusan
Sisa-Sisa Pokok

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 22 Mei 2025,
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi Dari:**
Bahagian Pemuliharaan
dan Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar
Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu dan Pemuliharaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
20 Mei 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 012 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pemeliharaan dan
Segara Di Istana Kota
Manggalela, Rumah Pekerja dan
Kawasan Sekeliling,
Jalan Maulana, Kuala Belait
Dalam Tempoh 36 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB/KEW-01

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
20 Mei 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
17 Jun 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 006 / 2025

Nama Projek:
Pengaliran Air – Membina Stesen
Pam Saliran Di F17, Seria
(Design And Build)

No. Projek:
DDS 1215-012/ADBT - 01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 017 / 2025

Tajuk:
Supply And Delivery Of
185MM2/3C XLPE HT Cable

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan

Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Pembekal yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan dalam kategori
dan berdaftar dibawah 'Akta
Syarikat-syarikat Penggal 39'
serta memiliki 'Perakuan
Penubuhan Syarikat
Persendirian yang sah.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diperoleh
di **Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga,
Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**



AHBK KE-20 TAMPILKAN 4 KATEGORI ANUGERAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Othman



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), selaku Pemangku Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS hadir dan seterusnya mempengerusikan Pemberiaan AHBK 2025 berkenaan (kanan dan atas).

>> Muka 1

Hadir dan seterusnya mempengerusikan Pemberiaan AHBK 2025 berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Pemangku Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS.

Taklimat AHBK disampaikan oleh Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi dan diselenggarakan dengan sesi soal jawab yang dibukakan kepada yang hadir.

Majlis diteruskan dengan penyerahan poster AHBK 2025 kepada wakil setiap persatuan - persatuan belia, pegawai-pegawai perhubungan awam dan media yang hadir.

Tahun ini menyaksikan empat kategori utama anugerah ditawarkan iaitu Anugerah Belia Cemerlang (BC), Anugerah Belia

Berkhidmat (BB), Anugerah Pemimpin Muda Belia (PMB) dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia (PCUB).

Anugerah BC merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang telah memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam apa jua bidang diceburi atau memperlihatkan usaha-usaha yang membuahkan hasil membanggakan dan mengharumkan nama negara.

Pencapaian cemerlang yang diperolehi diperingkat antarabangsa merupakan satu keutamaan, selain di peringkat serantau dan kebangsaan pula adalah satu kelebihan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Sementara itu, Anugerah BB

merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang bergiat aktif dan memberikan sumbangan serta khidmat secara sukarela dan berterusan kepada masyarakat di negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Bagi Anugerah PMB, ia adalah anugerah yang mengiktirafkan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh seorang pemimpin muda dalam memajukan organisasi yang telah dipimpinnya secara berterusan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, pendidikan, keusahawanan, alam sekitar, teknologi, kesukanan dan sebagainya. Sebagai penghormatan yang berterusan bagi ikutan dalam melahirkan pemimpin belia yang berwibawa,

berwawasan dan berhemah tinggi. Manakala Anugerah PCUB mengetengahkan tiga projek iaitu pertama, Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Sosial Ekonomi (PCUBSE) yang mana projek ini melibatkan kepada sumbangan dalam pembangunan belia dan mempelbagaikan ekonomi negara serta kesukarelawanan.

Kedua, Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Gaya Hidup Sihat (PCUBGHS) menjurus kepada mempromosikan kesihatan dan sukan riadah dalam pemerkasaan, penjagaan kesihatan kepada masyarakat di negara ini.

Ketiga, Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Seni dan Kebudayaan (PUCBSKI) pula lebih kepada mengekalkan identiti dan ideology sesebuah masyarakat serta mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan bidang seni dan kebudayaan.



Pemohon yang berminat perlu memenuhi beberapa syarat penting termasuk berstatus warganegara Brunei atau penduduk tetap berumur antara 15 hingga 35 tahun untuk kategori BC, BB dan PCUB, manakala kategori PMB menerima pemohon berumur sehingga 45 tahun.

Setiap pemohon hanya dibenarkan memohon satu kategori sahaja dan tidak pernah memenangi anugerah sama dalam tempoh tiga tahun lepas.

Dokumen lengkap termasuk borang sokongan, penilaian prestasi dan video ringkas perlu disertakan bersama permohonan.

Urus Setia AHBK 2025 menegaskan bahawa sebarang permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Orang ramai diingatkan bahawa tarikh tutup permohonan ialah pada 29 Mei 2025 jam 3.00 petang.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari portal rasmi di www.hbk.gov.bn atau mengikuti media sosial Jabatan Belia dan Sukan di Instagram @jbs.bn dan Facebook Jabatan Belia dan Sukan.

Pertanyaan juga boleh diajukan melalui talian +673 2381903/4/5 sambungan 1300/1304 atau menghantar e-mel ke ahbk@belia-sukan.gov.bn.

Anugerah ini diharapkan dapat terus melahirkan lebih banyak belia cemerlang yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara serta menjadi inspirasi kepada generasi muda.

Kementerian menggalakkan semua belia yang layak untuk tampil menyertai anugerah berprestij ini.

ITQSHHB raikan 41 pelajar baharu sesi 2025-2028



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penerimaan Siswa-Siswi Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 2025M-2028M.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Majlis Penerimaan Siswa-Siswi Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 2025M-2028M telah berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan Kuliah, ITQSHHB, di sini.

Seramai 41 orang pelajar diterima masuk pada tahun ini yang terdiri daripada 22 orang siswa dan 19 orang siswi yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran,

Surah Al-Anbiya ayat 78 hingga 86, yang dipersembahkan oleh siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohammad Hashim.

Persembahan kemudian disusuli dengan tayangan video 'ibrah ayat yang disampaikan oleh siswi Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Dayang Ameerah Batriysia@ Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof yang antara lain menggariskan bahawa ilmu-ilmu Al-Quran sememangnya telahpun wujud di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat-sahabat, Tabi'en dan

ACARA diserikan dengan lafaz bacaan ikrar oleh para siswa-siswi baharu, yang diketuai oleh siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Ahmad Darwisy bin Hamdan.

seterusnya sehingga hari ini, dan Alhamdulillah para penuntut di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkeinginan untuk menuntut ilmu ini berpeluang untuk mempelajarinya di ITQSHHB.

Selain daripada hafazan 30 juzuk Al-Quran katanya, kursus tersebut merangkumi ilmu-ilmu Al-Quran dan Qiraat seperti Resam Al-Quran, Tarikh Qurra, Tarikh Mushaf dan sebagainya.

Program itu ujarnya, juga berjalan seiring dengan modul pengajian kenegaraan seperti Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga Dirasah Islamiyyah serta Bahasa Inggeris.

"Begitu juga dengan kokurikulum di mana siswa / siswi boleh mempelajari kemahiran hidup seperti kelas menjahit, memasak, membaiki penghawa dingin dan sebagainya," terangnya.

Menurutnya, sejak penubuhan ITQSHHB pada tahun 2010, Alhamdulillah seramai 223 orang graduan di institut ini telah menamatkan pengajian mereka dalam pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat.

Daripada jumlah tersebut jelasnya, sebahagian besarnya telah melanjutkan dan menamatkan pengajian di dalam dan luar negara seperti Ma'had



Shoubra, Republik Arab Mesir, Universiti Islam Selangor (KUIS) Malaysia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam.

"Pengajian lanjutan ini sama ada dibiayai di bawah Skim Biasiswa Kerajaan, Skim Pendidikan, Sultan Scholar YSHHB dan persendirian. Ini menunjukkan peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya memang terbuka luas dan semua ini tertakluk kepada usaha gigit para siswa / siswi dan yang paling penting sekali ialah akhlak yang mulia dan sifat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Beliau seterusnya mengingatkan para siswa / siswi untuk memulihkan guru sebagai mana yang diajar oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan jangan sekali-kali memandang remeh seorang guru kerana kejayaan seorang penuntut itu tidak akan datang tanpa usaha guru yang komited dalam mendidik mereka.

Tambahnya, dengan menghormati guru insyaaAllah kita akan menjadi orang yang berjaya dan ilmu yang dipelajari akan memberi manfaat serta membawa berkat dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, majlis menyaksikan tayangan video khas, diikuti dengan penyampaian Kitab Qiraat kepada siswa-siswi baharu yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara turut diserikan dengan lafaz bacaan ikrar oleh para siswa-siswi baharu, yang diketuai oleh siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Ahmad Darwisy bin Hamdan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran serta Doa Peliharahan Sultan dan NBD oleh Pensyarah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Mohd. Saad.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan KHEU, para ibu bapa dan penjaga, para pelajar yang diiraikan serta para pegawai, pensyarah dan kakitangan ITQSHHB.

IMBASAN MINGGUAN



KESIBUKAN yang dapat dilihat semasa Mini Karnival Perikanan yang berlangsung selama empat hari di Kompleks Pendaratan Ikan Muara. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Arab Belait yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Musolla sekolah berkenaan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ANGGOTA Pasukan Bomba dan Penyelamat yang terlibat pada demonstrasi Persembahan Padang sempena Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



ANTARA aksi perlawanan antara pasukan DPMM FC dengan Kasuka FC yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEBAHAGIAN daripada ahli keluarga yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal jemaah haji. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

سروك سروي

مغحياتي قعاجرن عبادہ قربان

جماعه يغ درحمي الله،

سباكاي اومت نبي محمد ﷺ اداله ساعت واجر كيت مياتوني سنه دالم عبادہ قربان يغ بوكن هان سقدر سميلين بياس ماله ممفويي حكمهن ترسنديري. سنه دالم عبادہ قربان اين ساعت قنتيغ اونتوق دعمالكن باكي منجامين كسمفورنان دان كبركتن عبادہ قربان. كيت جوك سواجرن مغحياتي قعاجرن يغ تركندوغ دالم فلقسنان عبادہ قربان، ياييت:

قرتلم: منانكن راس شكور كشد الله ﷻ اتس سكل كورنيان يغ تله دبريكنن. الله ﷻ جوك منجامين اكن منمبهكن رزقي باكي سسياف يغ منشكوري نعمتن.

كلدا: ميهامي سماغت اونتوق برقران هرتا، ماس، دان تناك دمي كمصلحن اومت دان اونتوق منجاني كريضان الله ﷻ.

كليك: منيغكنن سيكف قمدولين ترهادف سسام اومت اسلام. رزقي يغ اد دكوعسي برسام ليه-ليه لايكي كشد مريك يغ برحق منريمان.

كامقت: مغاجر سوقاي براكو احسن والاوفون ترهادف حيوان. تاناچارا دان سنه دالم سميلين منوغوفكن بهاوا اسلام اومت منتيغكن احسن دان كياجقن والاوفون ترهادف حيوان .

كليم: ملاتيه ديري برسيكف اخلاص دان برانكزي دالم ملاكون سسواتو اوروسن. دالم قفوروسن قغندالين دان قعاكيهن داكيغ قربان قولا، قستيكن حق-حق قريما داكيغ قربان دفنوهي سبايكن ياييت دغن مغاكيهكن كشد يغ برحق. ساعت اينله، كيت بركوغسي رزقي دان نعمت يغ دفراوليهي كران موغكين اد دري كالغن سودارا ساكام كيت جارغ اتاو بهكن تيدق ممفو اونتوق مميلي داكيغ.

سباكاي اورغ يغ دامانهكن مغوروسكن عبادہ قربان، اوروسله دغن فنوه امانه، برتغكوغجواب دان اخلاص. جاعن مغمبيل كسمقن دغن مغمبيل داكيغ اتاو بهاكين ترنتو درفد يينانغ سميلين ترسبوت دغن سوينغ-وينغن تنفا مموهون اذن توان قويا يينانغ قربان. جاعن جاديكن عبادہ قربان سباكاي فلواغ اونتوق كيت مغمبيل حق

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله ﷻ دغن منيغكنن كليمانن كشدن. سسغكوهن اورغ يغ قاليغ مليا ديسي الله ﷻ ايت اياه اورغ يغ قاليغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سننياس مغايغي الله ﷻ براوله كحيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

كيني كيت برادا دبولن ذوالقعدة، دان دالم ليه كورغ دوا ميغكو ساج لايكي كيت اكن ملغكه كبولن ذوالحجة. سباكيما يغ كيت كتهوي، ذوالحجة اداله بولن منويكن فرض حاج دان ملقساناكن عبادہ قربان. عبادہ قربان مروفاكن ساتو عبادہ يغ دوايسي درفد سجاره قفوربانن اكوغ يغ تله دلاكون اوليه نبي ابراهيم عليه السلام دان كلواركن .

عبادہ قربان اين دلاكون فد عيدالاضحي ياييت ١٠ ذوالحجة دان هاري-هاري تشریق ياييت فد ١١، ١٢ دان ١٣ ذوالحجة دان كيت دتونوت اونتوق ملقساناكن باكي مندكنن ديري كشد الله ﷻ. فرمان الله ﷻ دالم سورة الحج آية ٣٧:

تفسيرن:

داكيغ دان داره يينانغ قربان ايت سكال-كالي تيدق اكن سمفي كشد الله تنافي يغ سمفي كشدن اياه كفقوان كامو. دمكينله دي مودهكن اونتوق كامو سوفاي كامو ممسرکن الله اتس هدايتن كشد كامو. دان سمفيكنله خبر كميرا كشد اورغ-اورغ يغ برهوات كبايكن.

آية اين مبرو مانسي كشد كطاعتن يغ اخلاص سمات-مات كران الله ﷻ قفوربانن دان قعبعدين ديري اينله يغ منجادي تونغع اوتام دالم اجرن اسلام. تربه قفوربانن برتوجوان ملاتيه اومت اسلام سوفاي ممباسكن ديري برقران سسواتو يغ دميليكي اكر ليه برشكور دان سوک بركوغسي رزقي دغن اورغ لايكن.

اورغ لايكن تنفا كيرن. مغوروس قربان جوك قولو دسرتاي دغن ادب دان نية يغ بايك اونتوق مندكنن ديري كشد الله ﷻ. كاوسن فرسكيون قيميلين دان قعاكيهن هندقله دجاك دان دبرسيهكن سيلوم دان سلس اجارا باكي منجرمينكن بوديا هيدوف مسلم يغ سبتر.

جماعه يغ درحمي الله،

سسوغكوهن عبادہ قربان مروفاكن شعار بسر يغ واجر دحياتي دان بوكن سمات-مات روتين سميلين حيوان سمات-مات. قعاجرن يغ تركندوغ دري عبادہ قربان قولو دحياتي دان منجادي متلامت اوتام دالم اوسها مندكنن ديري كشد الله ﷻ. عبادہ قربان جوك جلس منجادي جونتوه يات باكيان اسلام مغايجوركن نيلاي-نيلاي كاسيه ساين دان منحاك كهرومين كهيديفن برمشاركت. عمالن ايت منجادي وسيله اونتوق ممفوكوهكن جاريغن سوسبال، مياتوني كولوغن يغ ممولوكن سرتا موبوركن سماغت كبرسمان. اوليه يغ دمكين، سام-سامله كيت مغهيديفن شعار عبادہ قربان اين يغ قرنه دلقسانكن اوليه نبي ابراهيم عليه السلام سباكاي ساتو سنه يغ اوتام.

تفسيرن:

سسوغكوهن كامي تله مغورنياكن كشد مو (واهاي نبي محمد) نعمة يغ باين (انتاران سوغاي الكوثر دشرک). مك ديريكنله سميهيغ كران توهنمو دان سمبليله يينانغ قربان (كران منشكوري نعمة-نعمتن). سسوغكوهن اورغ يغ مبنجي اگكاو، دياه يغ ترفوتوس (درفد مندافت كبايكن دنيا دان اخيرة).

{سورة الكوثر آية: ١-٣}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاءِ النَّائِبِينَ.

Warisan



Warisan budaya bentuk identiti keunikan negara

WARISAN budaya bangsa adalah elemen terpenting dalam memupuk dan membentuk identiti serta keunikan sesebuah negara, termasuk negara kita Brunei Darussalam. Warisan budaya negara kita meliputi pelbagai aspek dan salah satunya ialah permainan tradisi *kitani* yang juga satu aspek penting, membentuk warisan khazanah negara.

Perkara ini wajar diberikan perhatian khusus pihak berwajib kerana jika warisan budaya bangsa dilupakan, tiada apa lagi akan tinggal. Generasi muda adalah pewaris bagi memastikan warisan budaya kekal dan relevan.

Kali ini ruangan Warisan akan memperkenalkan kepada pembaca tiga jenis permainan dahulu kala yang kini sudah hampir ditelan zaman akan kewujudannya.

Permainan Talang Getah Berturus

Permainan Talang Getah Berturus boleh dimainkan oleh

ramai pemain, pada bila-bila masa, di dalam rumah atau di halaman rumah.

Permainan ini menggunakan dua peralatan iaitu sebatang lidi (atau apa jua bahan yang boleh dijadikan sebagai turus) yang dipacakkan pada permukaan lantai atau tanah dan gelang getah yang mudah diperoleh.

Cara permainan :

Bagi setiap pemain pula mestilah membawa bersama-sama mereka sejumlah gelang getah untuk dipertaruhkan dan sebelum permainan dimulakan, pemain biasanya *bercus* untuk menentukan giliran masing-masing. Beberapa meter dari turus akan dilukis satu goresan yang dipersetujui bersama sebagai tempat permulaan melempar gelang getah ke turus.

Pemain pertama akan melontar ke aras turus dan jika tidak berjaya memasuki turus, maka giliran pemain seterusnya untuk bermain. Jika salah seorang pemain berjaya melontar dan memasuki turus, maka semua gelang getah yang ada di kawasan permainan akan dimenangi oleh pemain tersebut. Pemain

yang berjaya mengumpul gelang getah yang terbanyak adalah dikira sebagai pemenang.

Permainan Lompat Getah

Sementara Permainan Lompat Getah pula ianya sering dimainkan oleh golongan remaja dan juga golongan dewasa. Peralatan yang digunakan adalah gelang getah yang diikat bersambung-sambung berukuran tiga meter panjang.

Cara permainan :

Permainan Lompat Getah ini adalah dengan melompat melepasi getah dan harus melalui cabaran mengikut peringkat demi peringkat iaitu mulai dari peringkat yang mudah kepada peringkat yang lebih mencabar.

Sementara itu, tali getah akan dipegang oleh kedua orang bermula dari paras kaki iaitu paras yang paling mudah. Setiap peserta atau pemain yang berjaya membuat lompatan dari paras permulaan hingga ke paras peringkat tinggi iaitu ke paras lutut, pinggang, bahu dan kepala akan dikira pemenang permainan.

■ Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Permainan Kaki Tiga

Sementara satu lagi permainan yang pada suatu ketika dahulu juga begitu popular dan sering dimainkan ialah Permainan Kaki Tiga yang merupakan permainan dimainkan secara berkumpulan dan dimainkan oleh golongan kanak-kanak dan remaja.

Peralatan yang digunakan adalah sebiji bola dan tiga kayu yang mempunyai ukuran yang sama (selipar juga boleh digunakan). Objektif permainan adalah untuk membentuk kayu atau selipar tersebut dalam keadaan menegak tiga segi.


Cara permainan :

Pemain pertama daripada kumpulan utama memulakan permainan dengan cara membalik bola ke arah kayu atau selipar yang telah disusun. Setiap pemain boleh membuat lontaran sebanyak tiga kali untuk menjatuhkan kayu atau selipar yang disusun dalam bentuk segi tiga (piramid).

Jika lontaran yang dilakukan tidak

mengenai pada sasaran, giliran pihak lawan pula akan mengambil alih untuk melakukan lontaran seterusnya. Jika selipar atau kayu tersebut berjaya dijatuhkan, maka pemain kumpulan utama berusaha mematikan lawannya dengan membuat balingan bola dan disasarkan pada pihak lawan. Kemenangan dikira berdasarkan jika pihak lawan dapat menyusun semula kayu atau selipar tersebut menjadi segi tiga.

Itulah tiga permainan warisan yang kini sudah tidak dipraktikkan lagi dan juga sudah lapuk ditelan zaman. Oleh itu, kita sebagai masyarakat di negara ini adalah bertanggungjawab untuk memelihara serta mengekalkan khazanah ini supaya 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas' semestinya terletak pada bahu semua rakyat, terutama remaja dan generasi muda. Sekiranya generasi muda tidak berminat atau mahu mengambil berat melestarikan dan mempertahankan warisan budaya sendiri, berkemungkinan besar tinggalan nenek moyang kita akan terus lenyap ditelan zaman.





Program Hi-Class platform pembelajaran belia muallaf

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Belia Muallaf As-Syahadah

LMU merupakan asas utama kehidupan seorang muslim sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Alaq, ayat 1 dan tafsirnya : *"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekian makhluk)"* dan sebagaimana juga dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tafsirnya : *"Mencari ilmu adalah kewajiban setiap Muslim"*. (Hadis Riwayat Ibnu Majah) dan (Hadis Riwayat Bukhari) dan tafsirnya : *"Berilmulah sebelum kamu berbicara, beramal, atau beraktiviti"*.

Walau bagaimanapun, bagi orang yang baharu memeluk agama Islam (muallaf), proses pembelajaran boleh menjadi suatu perjalanan yang agak panjang dan tidak menyeronokkan jika dilakukan secara bersendirian.

Berkaitan dengan itu, Belia Muallaf As-Syahadah (BMS) di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), mengunyahkaykan Hi-Class (Hidayah Class) yang bukan sahaja menjadi platform untuk belajar tapi juga diisi dengan perbincangan dan aktiviti agar memudahkan pembelajaran para muallaf khususnya para belia.

BMS merupakan sebuah kumpulan yang mengenal pasti potensi belia muallaf dalam meningkatkan mutu dan kualiti khidmat dan

sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara. Selain membentuk belia yang berkepimpinan, berkebolehan tinggi dan berdisiplin untuk menjadi teladan kepada belia muallaf yang lain.

Program Hi-Class adalah sebagai platform untuk belajar yang juga diisi dengan perbincangan dan aktiviti agar memudahkan pembelajaran para muallaf khususnya para belia. Format Hi-Class juga adalah dibentuk bercirikan kebeliaan supaya pembelajaran menjadi lebih menarik bagi para belia muallaf. Ia adalah satu bentuk usaha untuk menyokong PDI, KHEU dengan mengikuti perkembangan muallaf dengan dekat agar menjadikan para muallaf ini lebih berilmu dan dengannya akan menjadi amalan sepanjang hayat mereka, InsyaaAllah.

Hi-Class juga diharap akan dapat menjadi titik tolak bagi para belia muallaf untuk mendapat taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sasaran penyertaan bagi setiap siri Hi-Class tersebut adalah percuma dan ia dibukakan kepada ahli jawatankuasa serta Ahli BMS dan juga orang awam.

Sebanyak lima siri Hi-Class diadakan iaitu Siri Pertama telah diadakan pada 24 Mac 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, Kampung Pulaie. Sesi perkongsian termasuk ceramah yang disampaikan oleh

Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei dan Pengasas Shade99 Co., Dayang Siti Hurul-Ain Diyana@Vienna binti Haji Abdul Majid dengan ceramah bertajuk 'Bersahabat Dengan Al-Quran'. Objektif Siri Pertama adalah untuk meningkatkan hubungan peserta dengan Al-Quran iaitu mendorong peserta untuk mengamalkan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam Al-Quran untuk diamalkan dalam kehidupan seharian serta menjadikan Al-Quran sebagai sahabat, panduan utama, sumber inspirasi dan motivasi dalam kehidupan seharian walaupun selepas Ramadan.

Siri Kedua Hi-Class pula telah diadakan pada 25 April 2025 dan diadakan di tempat yang sama iaitu di PDI. Antara isi pengisian Siri Kedua termasuk ceramah bertajuk 'Kisah Kita Dulu, Inspirasi Kita Kini' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Isham bin Ismail. Inti pati ceramah menceritakan sejarah kedatangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan bagaimana Islam mula bertapak serta mengetahui bagaimana Islam berkembang di negara ini.

Siri Ketiga Hi-Class diadakan pada Ahad, 4 Mei 2025 bertempat di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong. Pengisiannya termasuk ceramah bertajuk 'Dulu Hebat, Kini Apa Khabar?' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid yang antara lain mengupas tentang sejarah Islam ke NBD

serta perkembangan dan penyebaran Islam di negara ini dari sudut sejarah dan ketamadunan. Manakala Siri Keempat dan Kelima Hi-Class akan diadakan pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian nanti.

Objektif

Antara lain objektif Hi-Class itu diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta mengenai kebangkitan dan kejatuhan tamadun Islam; membangkitkan perasaan bangga, mulia dan 'izzah peserta terhadap sejarah kegemilangan Islam; dan mendorong peserta untuk berperanan aktif dalam usaha kebangkitan semula umat Islam dengan mengambil pengajaran daripada sejarah silam.

Kesimpulan

Penganjuran Hi-Class dalam meraih ilmu pengetahuan agama Islam dan memantapkan kefahaman agama Islam serta mengambil pengajaran daripada sejarah Islam ke arah membentuk pemikiran Islam yang holistik sekali gus untuk menerapkan dan diamalkan ke dalam kehidupan seharian sebagai seorang Muslim yang beriman. Semoga usaha yang diunyahkaykan seperti ini seterusnya mendapat keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat mencapai matlamat negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir.



SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, SIFAT PERPADUAN PELAJAR



SESI gambar ramai semasa Jerayawara Kenali ASEAN (atas). Sementara gambar kanan, para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti Sesi Kuiz Kenali ASEAN.

TUTONG, Sabtu, 17 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Othman, bertempat di Dewan Al-Muhsin sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Rosmayati binti Haji Adnan dan para tenaga

pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, kepada seramai 511 pelajar daripada Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti Sesi Kuiz Kenali ASEAN dan seterusnya penyampaian hadiah

kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin


Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn



***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Rajin berselawat, raih kerahmatan Allah



ANTARA yang hadir pada Acara Kerohanian anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita), Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) bersempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), 2025 (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Mei. - Berselawat ke atas Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan yang sangat mulia dan mempunyai banyak keutamaan.

Ia menjadi tanda cinta dan penghormatan umat Islam kepada Baginda kerana dengan berselawat, ia membuka pintu rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, menghapus dosa dan

mengangkat darjat seseorang.

Ia juga menjadi sebab doa dimakbulkan dan hati menjadi tenang.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda bahawa sesiapa yang banyak berselawat akan mendapat syafaat Baginda di akhirat kelak.

Demikian antara inti pati ceramah bertajuk 'Keutamaan Berselawat' yang disampaikan oleh Penguasa Dakwah dan



Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan pada Acara Kerohanian anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita), Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) bersempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), 2025 baru-baru ini.

Acara tersebut berlangsung petang tadi di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Antara yang hadir, Ahli

Jawatankuasa Badan Kebajikan Isteri-Isteri ABDB (BAKTI), Dayang Normala@Nisbah binti Mohd. Mohsin dan Dayang Siti Nurlizawatie binti Abdul Majid.

Acara turut diserikan dengan penyerahan sebanyak 25 naskhah Buku Program Seminar BASMIDA yang bertema 'Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Melalui Nilai-Nilai Murni Melayu Islam Beraja (MIB)' yang disampaikan oleh Yang Dipertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Menurutnya, buku diharap

digunakan terutamanya menerapkan antara nilai-nilai MIB dalam filosofi negara MIB, iaitu nilai-nilai yang kukuh, yang disuntik masing-masing dari awal kepada anak-anak kitani di rumah tangga yang menjadikannya keluarga Mawaddah, Rahimah dan B ahagia.

Turut diadakan Sembahyang Fardu Asar berjemaah dan diikuti dengan Selawat Asar Jumaat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Penutup oleh Dayang Norsinah binti Haji Hidup.

CRYSTAL PALACE RAIH PIALA FA PERTAMA DALAM 119 TAHUN



LONDON, 18 Mei. - Crystal Palace mencipta sejarah apabila buat pertama kali merangkul trofi Piala FA selepas menewaskan Manchester City 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Wembley pada petang Sabtu, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Kemenangan itu diraih menerusi jaringan tunggal Eberechi Eze pada minit ke-16, memastikan kejayaan yang dinanti-nantikan Crystal Palace. Manchester City berpeluang menyamakan kedudukan pada minit ke-36, namun pemain antarabangsa Mesir

Omar Marmoush gagal menyempurnakan sepakan penalti penting. Ini merupakan kejuaan Piala FA pertama Crystal Palace dalam sejarah 119 tahun kelab itu, selepas pernah menjadi naib juara pada 1990 dan 2016.

Dengan kemenangan itu, Crystal Palace turut layak ke saingan Liga Europa UEFA buat kali pertama,

membuka lembaran baharu dalam perjalanan kelab berkenaan. - ©BERNAMA

Dua helikopter berlanggar ragut 5 nyawa di Finland

TALLINN, 18 Mei. - Dua helikopter awam yang berlepas dari Tallinn pada pagi Sabtu berlanggar berhampiran Lapangan Terbang Eura di barat daya Finland pada awal tengah hari, mengorbankan kesemua lima orang di dalamnya, menurut Kementerian Luar Estonia, lapor Xinhua.

Menurut laporan Estonian Public Broadcasting (ERR) dan penyiar awam Finland Yle, Jabatan Penyelamat Satakunta menerima

laporan pada 12.30 tengah hari (0930 GMT) Sabtu mengenai kejadian berhampiran Lapangan Terbang Eura bahawa dua helikopter telah berlanggar di udara sebelum terhempas.

Polis memaklumkan bahawa terdapat lima orang di dalam kedua-dua helikopter ringan Robinson R44 Raven itu pada masa kejadian - dua orang dalam sebuah pesawat dan tiga orang dalam pesawat yang lain.

Pada sidang media pada petang

Sabtu, Ketua Unit Bantuan Konsular Kementerian Luar Estonia, Margus Sarglepp mengesahkan bahawa tiada mangsa yang terselamat. Polis Finland sedang berusaha untuk mengenal pasti mangsa.

Beberapa media Estonia melaporkan bahawa antara mangsa yang terkorban ialah ahli perniagaan Estonia, Oleg Sonajalg dan Priit Jagant. Nama penumpang lain masih belum didedahkan. - ©BERNAMA

Walmart akan naikkan harga barangan akibat kos tarif

NEW YORK, 17 Mei. - Walmart, peruncit terbesar di dunia, memaklumkan bahawa tarif yang dikenakan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, adalah terlalu tinggi dan syarikat itu akan menaikkan harga beberapa barangan kerana perang dagang global Presiden Trump meningkatkan kos operasi syarikat itu, lapor Xinhua.

"Kami akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan harga serendah mungkin. Namun, memandangkan saiz tarif yang besar, walaupun pada kadar lebih rendah yang diumumkan minggu

ini, kami tidak dapat menyerap sepenuhnya tekanan itu memandangkan margin keuntungan runcit yang menguncup," kata Ketua Pegawai Eksekutif Walmart, Doug McMillon, pada Khamis dalam panggilan persidangan pendapatan syarikat.

Seperti banyak syarikat AS lain, Walmart tidak mengeluarkan unjuran keuntungan bagi suku ini kerana persekitaran yang tidak menentu, dengan dasar tarif AS yang berubah-ubah secara berterusan. Syarikat itu mengekalkan panduan setahun penuh yang dikeluarkan pada

Februari, menurut laporan Associated Press.

Ramai rakyat Amerika kini mengurangkan perbelanjaan mereka kerana bimbang terhadap keadaan ekonomi.

Data kerajaan mendedahkan pertumbuhan jualan runcit yang perlahan pada Khamis.

Walmart berkata penggunanya kekal berhati-hati dan lebih memilih dalam perbelanjaan.

Laporan itu turut menyatakan bahawa tarif Trump ke atas China dan negara lain mengancam model harga rendah yang menjadi asas kejayaan Walmart. - ©BERNAMA

Agensi Meteorologi Jepun rancang guna AI pertingkat ketepatan ramalan cuaca

TOKYO, 17 Mei. - Agensi Meteorologi Jepun sedang mempertimbangkan untuk memperkenalkan Kecerdasan Buatan (AI) dalam ramalan cuaca bagi meningkatkan ketepatan melalui penggunaan pembelajaran mendalam, lapor agensi berita Kyodo yang memetik sumber yang rapat dengan perkara itu.

Persiapan sedang dijalankan, dengan pasukan baharu ditubuhkan pada April untuk menerajui pembangunan infrastruktur dan teknologi bagi menggabungkan ramalan AI berasaskan data cuaca lampau dengan model ramalan berangka yang sedang digunakan.

Sekiranya dilaksanakan, sistem AI itu akan menggunakan

pembelajaran mendalam untuk menganalisis sejumlah besar data, mengenal pasti corak cuaca bagi menjana ramalan suhu dan hujan pada masa hadapan serta ramalan lain.

Kaedah berasaskan AI mungkin terbukti lebih tepat berbanding pendekatan ramalan semasa dalam beberapa aspek, seperti ramalan laluan taufan.

Agensi itu dijangka mengumumkan langkah tambahan bagi meningkatkan fungsi data menggunakan AI dan teknologi lain sekitar Jun.

Pada masa ini, ia menggunakan model ramalan cuaca berangka yang menggunakan data pemerhatian dan superkomputer untuk mensimulasikan keadaan

atmosfera masa hadapan. Peramal berpengalaman kemudian menganalisis hasilnya dengan mengambil kira keadaan dunia sebenar untuk mengeluarkan laporan cuaca dan amaran bencana.

AI setakat ini telah digunakan untuk memperhalusi hasil simulasi, dan manusia akan terus memainkan peranan pengawasan serta mengeluarkan ramalan akhir walaupun ramalan AI diperkenalkan.

Selain ramalan cuaca, agensi itu turut meneroka penggunaan pembelajaran mendalam untuk memproses data pemerhatian daripada satelit cuaca Himawari-10, yang diadualkan beroperasi pada tahun fiskal 2029. - ©BERNAMA

Seorang maut, lima cedera dalam insiden letupan di California

LOS ANGELES, 18 Mei. - Sekurang-kurangnya seorang maut dan lima lagi cedera dalam satu letupan di luar sebuah klinik kesuburan di bandar peranginan padang pasir Palm Springs, California pada Sabtu, menurut pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Individu yang dipercayai bertanggungjawab dalam letupan itu terbunuh di tempat kejadian, kata sumber penguatkuasaan undang-undang. Identiti mangsa yang maut belum didedahkan.

Ketua Polis Palm Springs, Andy Mills, berkata letupan itu dipercayai merupakan tindakan keganasan yang disengajakan. Letupan itu menyebabkan kerosakan besar, melibatkan beberapa bangunan di beberapa blok kawasan.

Dalam satu hantaran di platform media sosial X, Peguam Negara Amerika Syarikat Pamela Bondi mengesahkan bahawa ejen persekutuan membantu pihak berkuasa tempatan dalam siasatan.

Pihak berkuasa menggesa orang ramai supaya mengelakkan kawasan itu yang masih diklasifikasikan sebagai kawasan kecemasan aktif sementara siasatan dijalankan. - ©BERNAMA

Indonesia tahan 170 warga asing dalam operasi imigresen

JAKARTA, 17 Mei. - Kerajaan Indonesia telah menahan 170 warga asing dari 27 negara dalam operasi imigresen yang dijalankan dari 14 hingga 16 Mei di kawasan Jakarta Raya, meliputi Jakarta, Depok, Tangerang dan Bekasi, menurut Kementerian Imigresen dan Pembetulan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Warga asing terbabit disyaki melanggar Undang-undang Imigresen Indonesia dan boleh berdepan hukuman penjara sehingga lima tahun serta denda.

Operasi berkenaan menyasarkan pangsapuri, kafe dan pusat beli-belah, menjadikannya operasi besar ketiga tahun ini selepas tindakan serupa di Bali, Maluku Utara serta Zon Perindustrian Morowali dan Tobelo. - ©BERNAMA

Syarikat AS tidak bersedia bersaing dengan Rusia, China di Afrika - Diplomat

WASHINGTON, 17 Mei. - Pendekatan bersejarah Amerika Syarikat (AS) terhadap perdagangan dengan Afrika yang mengabaikan kepentingan perniagaan telah menyebabkan syarikat-syarikat AS tidak bersedia untuk bersaing dengan Rusia dan China, kata Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Afrika, Corina Sanders, pada Jumaat.

"AS secara sejarahnya memberi tumpuan kepada peningkatan keadaan makroekonomi di Afrika berbanding memudahkan akses syarikat AS kepada peluang perniagaan. Jadi, dalam hal promosi eksport, persediaan projek, dan alat pembiayaan, mereka bergerak perlahan. Mereka agak terasing dan tidak bersedia untuk bersaing dengan pesaing global seperti China dan Rusia," kata Sanders kepada Majlis Atlantik, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Beliau berkata bahawa Afrika mewakili pasaran yang berkembang dan belum diterokai untuk eksport AS, dan pentadbiran Presiden AS Donald Trump telah menyatakan dengan jelas matlamatnya untuk meningkatkan eksport dan pelaburan negara itu ke benua berkenaan.

"Afrika sepatutnya, pada pandangan kami, menjadi satu daripada rakan dagang utama. Namun, eksport AS ke sub-Sahara Afrika tidak banyak berubah dalam tempoh 20 tahun dan sebenarnya mewakili kurang satu peratus daripada jumlah perdagangan barangan," katanya.

Beliau juga berkata penekanan besar pada industri dan sokongan ekonomi di kedua-dua belah Atlantik akan diperlukan untuk mengubah situasi ini.

Pada 2024, AS mengimport barangan bernilai lebih AS\$39.5 bilion dari Afrika dan mengeksport barangan bernilai AS\$32.1 bilion, menurut data daripada Biro Banci AS. Dalam tiga bulan pertama 2025, import berjumlah lebih AS\$13.2 bilion manakala eksport mencecah AS\$9.6 bilion. - ©BERNAMA



KETENGAHKAN SUKAN ANGKAT BERAT KEPADA BELIA



SEKITAR Kejohanan Angkat Berat Jemputan Remaja Brunei pada 17 dan 18 Mei 2025 yang berlangsung di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Mei. - Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam telah mengadakan Kejohanan Angkat Berat Jemputan Remaja Brunei pada 17 dan 18 Mei 2025, bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, petang tadi.

Sebanyak 12 kategori dipertandingkan dalam kejohanan tersebut yang melibatkan seramai 30 peserta daripada tiga buah pasukan

yang bertanding, iaitu Pasukan Sekolah Sukan Brunei, Pasukan Sabah dan Pasukan Sarawak.

Penyampaian pingat kepada para pemenang Kejohanan Angkat Berat Jemputan Remaja Brunei berkenaan disampaikan oleh Timbalan Pengetua Sukan Sekolah Sukan, Awang Haji Mohd. Azrin bin Haji Aji; Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Akademik Sekolah

Sukan, Dayang Norjalina binti Haji Jaafar; dan juga Presiden Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam, Awang Harun bin Haji Ahmad.

Antara matlamat pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk menyokong Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam bagi menaik taraf sukan angkat berat dalam kalangan remaja di negara ini serta sebagai pendedahan suasana kejohanan dan juga untuk

memperkembangkan lagi sukan angkat berat.

Selain itu, kejohanan berkenaan juga adalah bagi persiapan mencari atlet-atlet remaja yang berpotensi untuk mewakili negara di kejohanan dan pertandingan di serantau seperti Sukan Malaysia (SUKMA).

Ia juga memberi peluang kepada remaja-remaja untuk bersaing secara sihat dan mengeratkan silaturahim di antara pasukan-pasukan yang dijemput.

Kasuka Ar Rawda ikat MS ABDB

Siaran Akhbar dan Foto :
Brunei Elite Futsal League

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Mei. - Kasuka Ar Rawda terpaksa bekerja keras sebelum berjaya mengikat kedudukan 3 - 3 dengan MS ABDB pada saingan Brunei Elite Futsal League 2024/2025 (BEFL 2024/2025) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanul Bolkiah, Berakas.

Walaupun kedudukan Kasuka Ar Rawda ketika ini sudah kukuh untuk merangkul Piala Liga BEFL, namun Awangku Muhammad Naqib Pengiran Timbang terlebih dahulu berjaya membocori gawang MS ABDB pada minit ke-3, sebelum Haji Mohammad Fardi Farhan Affendi menambah jaringan pada minit ke-16 untuk kedudukan selesa 2-0.

MS ABDB yang enggan mengalah terus berusaha merapatkan jurang menerusi

jaringan Awangku Md. Idzzaham Aleshahmezan pada minit ke-21.

Rembatan kencang Abdul Malik Yunus pada minit ke-33 dan sentuhan menarik Awangku Md. Jumatatul Aleshahrezan seminit kemudian membawa MS ABDB mendahului 3 - 2.

Namun, ketua pasukan Kasuka Ar Rawda, Mohd. Nor Azizam Roslan muncul penyelamat apabila berjaya menjaringkan gol penyamaan, sekali gus memastikan pasukannya tidak tercicir mata, walaupun terpaksa berpuas hati dengan keputusan seri 3 - 3.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Kasuka Ar Rawda, Wahyu Triyanto menjelaskan rentak perlawanan berubah pada babak kedua, dengan rentak permainan pasukan kendaliannya agak longgar dan berjaya dimanfaatkan

oleh MS ABDB sehingga mereka mendahului jaringan.

Namun tambahnya lagi, kami gembira kerana pemain akhirnya berjaya menyamakan kedudukan untuk mengekalkan rekod tanpa kalah.

Beliau turut memuji saingan hebat yang diberikan oleh MS ABDB yang menampilkan aksi menarik sepanjang perlawanan sehingga kedua-dua pasukan terpaksa berkongsi mata.

Pada perlawanan lain, Almerez HITUNE FC pula membelasah DDT dengan keputusan 11 - 1.

Kemenangan besar berkenaan membantu skuad bimbingan Mohd. Abdul Azim melonjak ke tangga kedua BEFL, walaupun berkongsi mata dengan Kampung Buangkok FC yang hanya dipisahkan oleh kelebihan jaringan.



ANTARA aksi perlawanan di antara Kasuka Ar Rawda menentang MS ABDB pada saingan Brunei Elite Futsal League 2024/2025 (BEFL 2024/2025).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GAYA HIDUP SANGAT PENTING DALAM MENJAGA KESIHATAN